

FAQ BERKAITAN AKAUN AMANAH KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN (AAKRP)

1. APAKAH LATAR BELAKANG AAKRP?

Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) ditubuhkan pada tahun 2002, dan diletakkan di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri.

2. APAKAH TUJUAN AAKRP?

AAKRP bertujuan untuk mengumpul, menyelaraskan dan menyalurkan apa-apa sumbangan kemanusiaan daripada rakyat Malaysia kepada rakyat Palestin dan seterusnya menyalurkan sumbangan tersebut kepada rakyat Palestin.

3. APAKAH PUNCA KUASA AAKRP?

AAKRP ditubuhkan di bawah subseksyen 9 (1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

4. TATA KELOLA AAKRP

AAKRP dikelola dan ditadbirkan oleh Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri (KLN) dan dianggotai oleh pegawai-pegawai kanan KLN.

Mengikut Akta Tatacara Kewangan 1957 Penubuhan dan Arahan Akaun Amanah di bawah Seksyen 9, Jawatankuasa perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.

5. BAGAIMANA KAEDAH MENDERMA?

Sumbangan boleh dibuat melalui tunai, cek, perbankan atas talian dan terus membuat transaksi ke AAKRP mengikut butirani di bawah:



Nama Akaun: Akaun Amanah Kemanusiaan
Rakyat Palestin (AAKRP)

Bank : CIMB Islamic Bank Berhad

No. Akaun : 86-0030248-9

6. Adakah sumbangan layak untuk pertimbangan kiraan pengiraan cukai pendapatan?

Setiap sumbangan kepada Tabung AAKRP adalah layak dipertimbangkan untuk potongan cukai pendapatan di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Butiran transaksi elektronik dengan catatan tertera; AAKRP @ AAKRP (Palestin) adalah boleh diterima oleh LHDN sebagai dokumen sokongan untuk pengiraan cukai pendapatan pada tahun semasa. Ia melibatkan perbankan elektronik seperti berikut:

- i) Mesin deposit tunai;
- ii) Mesin *Automated Teller* (ATM);
- iii) Mesin Deposit Cek
- iv) Tunai/Cek/Bank Draf melalui kaunter bank CIMB
- v) Pindahan tunai secara elektronik melalui e-dompet;
- vi) Pindahan wang tunai melalui Interbank Giro;
- vii) *Telegraphic Transfer*; dan
- viii) *Real Time Electronic Fund* dan *Securities System* (RENTAS)

7. Sumbangan Secara Berkelompok

Bagi sumbangan berkelompok, butiran penyumbang yang diperinci dalam surat rasmi Organisasi/Agensi yang berkenaan adalah boleh diterima oleh LHDN sebagai dokumen sokongan untuk pengiraan cukai pendapatan pada tahun semasa.

8. Pengeluaran resit rasmi

Resit rasmi (jika diperlukan) akan dikeluarkan mengikut tatacara yang digariskan oleh Jabatan Akauntan Negara.

9. Di manakah wang ini akan disalurkan?

Sumbangan akan disalurkan bagi membantu rakyat Palestin menerusi pertubuhan atau agensi tempatan, serantau dan antrabangsa yang bersesuaian yang ditentukan oleh Jawatankuasa AAKRP setelah meneliti Kertas Cadangan/Syor daripada pihak-pihak yang berkenaan.